

'Kemasukan PDS ke BN di tangan parti2 komponen'

KUALA LUMPUR, Ahad — Kemasukan parti baru kaum Dayak — Parti Dayak Sarawak (PDS) — yang akan diasaskan oleh bekas wakil rakyat dari Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), ke dalam Barisan Nasional (BN), hanya akan ditentukan jika ia diluluskan sebulat suara oleh parti-parti komponen.

Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba berkata, sebagaimana ditetapkan oleh perlembagaan, keputusan membolehkan kemasukan parti baru itu ke dalam BN mestilah mendapat keputusan sebulat suara.

Beliau enggan mengulas lanjut mengenai per-

kara itu ketika ditemui selepas menghadiri perjumpaan antara semua wakil rakyat Umno dan BN dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini kelmarin.

Menurutnya, perkara mengenai Snap tidak dibincangkan dalam per-

jumpaan dengan Perdana Menteri.

Tiga ahli Parlimen dan sembilan ahli Dewan Undangan Negeri dari Snap telah keluar dari parti untuk menubuhkan parti baru itu.

Tindakan keluar parti itu berikutan bantahan terhadap langkah Jawatankuasa Pusat Snap menyingkirkan bekas Naib Presiden, Encik Daniel Tajem dari parti itu, 19 Jun lalu.

Dengan perletakan jawatan itu, Snap hanya tinggal dua kerusi Parlimen dan enam kerusi Dewan Undangan Negeri.

Encik Ghafar berkata, masalah yang berlaku di Sarawak itu membabitkan banyak perkara dan ia akan dibawa ke dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi BN di Kucing, September, ini.

Sementara itu, tiga pemimpin PDS akan berlepas ke Kuala Lumpur beberapa hari lagi untuk mempercepat pendaffaran partinya dan pada waktu yang sama menyerahkan permohonan untuk menyertai BN.

Menurut seorang dari mereka, Encik Gramong Juna, yang juga Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri, penggubalan perlembagaan parti itu telah dibereskan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia